

SEJARAH TERKEMBANGNYA BAHASA DAN PERSURATAN MELAYU

(Rencana ini ialah ucapan saudara “Abdullah Basmeh” anggota “Lembaga Bahasa Melayu” di radio Malaya Singapura pada 25 Januari yang lalu. P).

Bahasa Melayu yang menjadi bahasa delapan puluh juta penduduk Tenggara Asia adalah satu bahasa yang terbesar dan sedang mendapat medan yang luas di dunia pada hari ini.

Bahasa Melayu telah hidup berabad-abad dengan gagahnya, walaupun dia telah dirempuh oleh berbagai-bagai kebudayaan asing, walaupun dia telah tertindas dan menderita tetapi ke-Melayuan tidak hilang dan tak akan hilang! Saya yakin Bahasa Melayu tidak jauh masanya akan mengalami zaman yang gilang gemilang!

Gagahnya Bahasa Melayu makin terserlah apabila dikenang bahawa beribu-ribu perkataan yang berasal daripada bahasa-bahasa asing seperti: Sanskrit, Arab, Parsi, Cina, Portugis, Belanda dan Inggeris habis ditelan dengan tidak merosakkan sejarah kata dan keseniannya, bahkan telah menambahkan lunak dan merdunya!

Kemajuannya – sidang pendengar yang dihormati – keindahannya, dan hidupnya bahasa Melayu yang bersemarak pada hari ini ialah hasil tenaga dan penat lelah ahli-ahli bahasa dan persuratan Melayu. Ahli-ahli bahasa dan persuratan yang telah bekerja keras silih berganti dari zaman ke zaman semenjak beratus-ratus tahun dahulu.

Pengakuan yang mengatakan bahawa kemajuan bahasa Melayu sekarang ialah hasil usaha suatu kumpulan atau sesuatu zaman yang tertentu, adalah suatu pengakuan yang tidak benar.

Kebenaran apa yang saya katakan ini akan bertambah jelas apabila kita membuka lipatan sejarah dan meninjau balik ke zaman yang lampau.

Sejarah telah mencatat bahawa persuratan Melayu telah ada semenjak beribu-ribu tahun dahulu, tetapi kemajuannya

mulai kembang dalam zaman kerajaan Melayu sedang memuncak kebesarannya di Melaka dahulu.

Sejarah telah menyatakan bahawa pada masa itu telah ada beratus-ratus jenis persuratan Melayu yang telah dibukukan dan sudah tentu bertulisan Melayu huruf Arab yang masih hidup dengan suburnya hingga hari ini.

Dalam permulaan kurun yang ketujuh belas iaitu pada tahun 1612 “Tun Sri Lanang” telah berjaya mengarangkan tiga puluh empat buah citra hasil persuratan Melayu zaman gemilang, lalu dinamakannya “Sulatus Salatin” yakni “Salasilah Raja-raja” yang lebih terkenal dengan nama “Hikayat Sejarah Melayu”. Tatkala menutup karangannya yang masyhur itu maka Tun Sri Lanang berkata: “Hingga inilah yang dapat oleh pacal yang daif baca di dalam hikayat ayahanda itu” keterangannya ini menunjukkan bahawa ayahandanya pun seorang ahli persuratan juga.

Ahli sejarah Melayu yang ulung ini telah menceritakan lagi bahawa hikayat “Amir Hamzah” dan hikayat “Muhammad Hanafiah” sangat-sangat dipuji oleh anak-anak raja dan pahlawan-pahlawan Melayu kerana kandungannya membangkitkan semangat perjuangan, dan kerana itulah dua buah hikayat tersebut mendapat tempat yang istimewa di istana raja-raja Melayu Melaka.

Suatu keterangan lagi yang menunjukkan bagaimana pengaruh hikayat “Amir Hamzah” ini adalah tersiar di dalam sebuah majalah Arab keluaran Jabatan Maklumat Republik Indonesia yang bernama As-syu’un Al-Indonesia”. Majalah itu berkata: Dalam kurun yang keenam belas Hikayat “Amir Hamzah” telah sedia terkarang dalam bahasa Jawa setebal empat puluh enam penggal dan telah tersalin ke dalam

bahasa Sunda setebal tujuh penggal. Sayogia disebut – kata majalah itu lagi – bahawa kebanyakan persuratan Indonesia pada masa itu sedia tertulis di dalam tulisan Indonesia huruf Arab.”

Walaupun kemudian daripada zaman Tun Sri Lanang dipercayai banyak ahli-ahli persuratan Melayu tetapi mereka tidak dapat mengatasi kemasyhuran “Munshi Abdullah” yang telah bersungguh-sungguh berkhidmat meninggikan bahasa dan persuratan Melayu. Tenggelamnya nama pujangga-pujangga Melayu yang telah hidup dalam kurun yang kedelapan belas ialah kerana karangan-karangan mereka yang bergemala itu telah tenggelam ke dasar laut, dan mana-mana yang sampai kepada kita tidak pula diketahui nama pengarangnya.

Setelah puas “Munshi Abdullah” memetik kuntum dan mencium harum dalam taman persuratan Melayu yang maha luas itu maka dapatlah ia meninggalkan sebaik-baik pusaka yang akan menghidupkan namanya zaman berzaman. Di antara buah penanya yang terkenal ialah Hikayat Abdullah, kisah pelayarannya ke Kelantan, Hikayat “Panca Tantaran” yang dimelayukannya dari bahasa Tamil, dan kisah pelayarannya ke Jeddah.

Khidmatnya yang besar itu telah dilanjutkan oleh anaknya “Munshi Muhammad Ibrahim” yang bergelar “Dato’ Dalam” bagi kerajaan Johor. Selain daripada kitab “Pemimpin Johor” yang telah dikarangnya dalam tahun 1878 maka Munshi Muhammad Ibrahim telah mengarang beberapa buah kitab lagi berkenaan bahasa Melayu dengan titah Almarhum Sultan Abu Bakar Johor.

Terdahulu sedikit daripada itu telah muncul di Riau seorang ahli persuratan Melayu yang masyhur iaitu “Raja Haji Ali bin Raja Ahmad.” Kitab-kitab karangannya yang berkedudukan tinggi dalam persuratan Melayu ialah: “Salasilah Raja-raja Melayu dan Bugis”, “Tuhfat al-Nafis” “Pengetahuan Bahasa” dan sebuah kamus yang belum lengkap. Kitab “Salasilah Raja-raja Melayu dan Bugis” yang tersebut telah terkarang dalam tahun 1865 dan tercetak dalam tahun 1911.

Pada penghujung kurun yang kesembilan belas pula lahir seorang ahli bahasa yang sangat-sangat besar usahanya kepada perkembangan bahasa Melayu iaitu “Syed Mahmud bin Abdul Kadir Al-Hindi.” Kebanyakan usahanya telah dicurahkan dalam mengarang buku-buku pelajaran untuk sekolah-sekolah Melayu, tetapi usahanya yang terutama yang akan menghidupkan namanya turun temurun ialah “Kamus Mahmudiyah” yang telah disusunnya. Kamus ini tercetak dalam tahun 1894 dan sekali lagi dalam tahun 1925.

Dengan datangnya kurun kedua puluh maka bahasa Melayu makin bertambah kembang dan bertambah kemas, kerana sekurang-kurangnya tiga buah badan bahasa telah didirikan sebelum perang dunia kedua.

Yang pertama – ialah Pejabat Karang Mengarang di Sultan Idris Training College Tanjung Malim. Apabila saya menyebut pejabat ini maksud saya ialah “Pendeta Za’ba.” Khidmat “Pendeta Za’ba” kepada bahasa dan persuratan Melayu sesungguhnya tak dapat dinilai, bahkan sekalian pencinta bahasa Melayu sekata mengakui bahawa “Pendeta Za’ba” ialah seorang Pembina bahasa Melayu yang ulung! Karangan-karangannya berkenaan bahasa Melayu adalah menjadi asas dan panduan yang tidak dapat dimungkiri.

Kedua – Badan PBMB Diraja yang telah didirikan di Johor semenjak tahun 1886 tetapi hasilnya makin bertambah banyak ialah semenjak dipimpin oleh Yang Berhormat Dato’ Haji Muhammad Said dalam tahun 1934. Selain daripada beberapa buah kitab berkenaan bahasa Melayu maka badan ini telah berjaya mengeluarkan sebuah kamus besar yang terkenal dengan nama “Buku Katan PBMPB Diraja”.

Badan ini nama penuhnya ialah: “Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa” yang kemudiannya telah bertukar menjadi: “Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku-buku Diraja.”

Ketiga- Pertubuhan “PASPAM” atau “Persaudaraan Sahabat Pena Malaya” yang dipimpin oleh Allahyarham Tuan Syed Syekh Al-Hadi. Pertubuhan ini akhirnya telah dapat

mendirikan “Lembaga Bahasa” yang dipimpin oleh A. Yahnan bin Yusuf dan dengan usahanya badan ini telah berhubung rapat dengan badan “PBMPB Diraja” yang telah berjalan dengan baik sehingga terbit perang dunia kedua lalu terhenti.

Demikian juga sebuah “Lembaga Bahasa” yang dibentuk oleh Tuan Syed Husein Al-Saggof Warta Malaya dan beranggotakan ahli-ahli bahasa dari Singapura dan Johor sangatlah besar khidmatnya kepada bahasa Melayu.

Oleh kerana telah jelas diketahui bagaimana pengaruh dan kesannya akhbar-akhbar dan majalah-majalah Melayu kepada perkembangan bahasa Melayu, maka nama wartawan-wartawan Melayu dahulu dan sekarang sayugia diingati.

Tatkala menyebut khidmat wartawan-wartawan Melayu maka nama “Munshi Muhammad Said” sudah tetap tak dapat dilupai. “Munshi Muhammad Said” ialah wartawan Melayu yang awal pertama dalam sejarah wartawan-wartawan Melayu Semenanjung manakala akhbar mingguan “Jawi Peranakan” yang dipimpinnya yang diterbitkan di Singapura dalam tahun 1876 ialah julung-julung akhbar Melayu di seluruh Tanah Melayu.

Dua puluh tahun kemudian daripada itu maka majalah “Al-Imam” iaitu majalah Melayu yang awal pertama lahir di Malaya telah diterbitkan di Singapura pada 23 Julai 1906. Tiga orang wartawan Melayu yang terkemuka telah memimpin majalah ini iaitu Tuan Syeikh Tahir Jalaluddin, Allahyarham Tuan Syed Syeikh Al-Hadi dan Allahyarham Tuan Haji Abbas bin Muhammad Toh.

Dalam tahun 1926 Syed Syeikh Al-Hadi telah berjaya mendirikan press dan melancarkan majalah “Al-Ikhwan” di Pulau Pinang, dan selepas dua tahun dapat pula melancarkan akhbar “Saudara”.

Dalam masa inilah Syeikh Al-Hadi mengarang cerita-ceritanya yang indah-indah itu yang kerananya ia telah dapat kedudukan yang tinggi dalam dunia persuratan Melayu. Buku-buku titisan penanya berpuluh-puluh banyaknya.

Seorang wartawan dan pengarang buku-buku Melayu yang tidak kurang usahanya kepada perkembangan bahasa dan persuratan

Melayu ialah Al-Adib A. Ahmad Ismail Al-Hikmah-Kelantan. Selain daripada majalah-majalah “Al-Sahdiyah” dan “Al-Hikmah” yang telah dipimpinnya maka buku-buku yang telah dikarang dan diterjemahkannya lebih daripada sepuluh jenis dan berpenggal-penggal pula.

Allahyarham Tuan Haji Abdul Rahim Kajai walaupun hanya dua buku sahaja yang telah dikarangnya tetapi kemasyhurannya dalam dunia wartawan sesungguhnya tak dapat ditindih! Sekalipun ada juga yang tidak mahu mengakuinya menjadi “Bapa Wartawan Melayu.”

Kenangkan sahaja apa medannya yang tidak ditempuh oleh Kajai? Cerita-cerita pendeknya bersemangat, syair-syair dan pantun-pantunnya menggerak jiwa dan jenaka-jenakanya jangan disebut boleh menjadikan batuk ketawa terbahak-bahak. Sebenarnya Kajai seorang wartawan dan ahli persuratan yang istimewa.

Selain daripada yang tersebut itu maka wartawan-wartawan kita yang akan saya sebutkan namanya satu persatu sungguh besar khidmat mereka kepada perkembangan bahasa dan persuratan Melayu iaitu:

Allahyarham A. Muhammad Yunus bin Abdullah, Allahyarham Tuan Haji Muhammad bin Haji Muhammad Said (Dato’ Laksamana Kelantan) Dato’ Onn bin Jaafar. A. Muhammad Adnan bin Muhammad Arifin, Allahyarham Al-Ustaz Hasyim Yunus, A. Othman Kalam, A. Muhammad Yunus bin Abdul Hamid, Allahyarham Tuan Haji Muhammad bin Dato’ Muda Linggi, Ibu Hajjah Zain binti Sulaiman, Tuan Syed Alwi Al-Hadi, A. Ishak bin Haji Muhammad, Tuan Haji Muhammad Dahlan Mas’ud A. Ramli Haji Tahir A. Yunus Hamidi, Tuan Haji Muhammad Padillah Suhaimi, Allahyarham Tuan Haji Haji Muhammad Idris. L.L. B., Cik Bahriah Idris, Tuan Haji Abdul Hamid Fadhil, A. Harun Amin Al-Rashid, Tuan Syed Abdullah Al-Edrus, A. Ibrahim Mahmud, Dr Burhanuddin, A. Abdul Aziz Ishak, A. Zainal Abidin bin Haji Alyas, A. Muhammad Salehuddin, A. Abdul Samad Ismail, A. Ismail Tamin, A. Kamaluddin (Keris Mas) A. Abdul Samad Ahmad, A. Malan Abdullah, A. Shamsuddin Salih, A. Abu Bakar Ali,

A. Muhammad Ismail bin Abdul Kadir, Tuan Syed Jaafar Al-Bar,
A. Abdullah Sani Raja Kecil, A. Arifin Ishak,
Tuan Haji Sabha dan lain-lain lagi.

Demikian juga beberapa orang ahli-ahli bahasa dan persuratan yang sudah tetap tidak akan dilupai iaitu:

A. Muhammad Yunus bin Ahmad bekas guru besar Maktab Melayu Tanjung Malim Tuan Haji Muhammad Zain bin Haji Ayub, A. Mahmud bin Ahmad, Tuan Haji Shamsuddin A. Buyong bin Adil, Allahyarham A. Abdul Hadi bin Haji Hasan, A. Muhammad Yusof bin Sultan Midin, A. Harun D.L, Tuan Haji Muhammad Sidin, A. Abdullah bin Sadiq, Tuan Haji Ahmad bin Yaakub, Tuan Haji Musa bin Yusof (Haji Lomak) Tuan Haji Muhammad Arifin A. Ahmad Bakhtiar, A. Ahmad Norawi, Ismail Abdul Aziz dan banyak lagi tidak terhitung.

Adapun pertubuhan-pertubuhan yang telah didirikan sesudah perang untuk mengembangkan bahasa dan persuratan Melayu ialah: "Lembaga Bahasa Melayu" yang bertempat di Singapura dan mempunyai anggota-anggota di seluruh Malaya dan Siam, "Angkatan Sasterawan 50 Singapura" "Ikatan Persuratan Melayu Melaka" termasuk Muar dan Batu Pahat "Asas Utama" Pulau Pinang dan beberapa badan lagi merata-rata Tanah Melayu.

Dengan ini jelaslah bahawa kemajuan, keindahan dan hidupnya bahasa dan persuratan Melayu yang bersemarak pada hari ini bukannya hasil sesuatu kumpulan atau sesuatu zaman! Malah telah dibina sedikit demi sedikit berabad-abad lamanya.

—
Akali itu asas manusia, agama itu kebangsaannya; perangnya itu kesopanannya – Baginda Umar.

* * * * *

Ada orang bertanya kepada Ibnu Abbas: Ke manakah pergi roh sesudah berpisah daripada badan?

Jawabnya: Ke mana pergi api dari sebuah pelita sesudah habis minyaknya?



Duta Pakistan (kiri) bersama-sama dengan Mr

Jusuf Wibisono Menteri Kewangan Indonesia (di tengah-tengah)

dan Mr Muhammad Roem bekas Menteri Luar Indonesia.

Kedua-dua yang akhir disebut ini ialah ahli-ahli Masyumi yang sentiasa berbaik-baik kepada negara-negara Islam yang lain. Gambar diambil tatkala diadakan perjumpaan Maulad Nabawi Syarif di Tanah Lapang Ikada Jakarta – Gambar Airpost.

MAKLUMAT

Harga langganan Qalam setahun \$7.20

Enam bulan \$3.60

Bersih belanja pos.

Langganan yang kurang dari tiga bulan tidak diterima.

Perhatian: Tiap-tiap surat pesanan hendaklah ditulis nama dan alamatnya yang terang dan tulislah alamat itu pada surat yang digambarkan – Jangan ditulis pada sampulnya sahaja. Alamatkan surat-surat pesanan kepada:

QALAM

356, GEYLANG ROAD, SINGAPORE 14.